

CNS6474

U GB 08-05 00184 BH498

aab

MAHATHIR MAHU EKUITI LEBIH BESAR OLEH BUMIPUTERA INDIVIDU

Mahathir - Ekonomi

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan menggalakkan penyertaan ekuiti yang lebih besar oleh Bumiputera individu dalam ekonomi negara sebagai satu lagi langkah mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usahasama antara pelabur bukan Bumiputera atau asing dengan Bumiputera akan juga digalakkan untuk membolehkan pemindahan kemahiran keusahawanan, katanya dalam perutusan di buku cenderamata Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan (DPPMWP) yang akan diadakan di sini esok.

Katanya, dalam memesatkan lagi usaha mewujudkan MPPB, kerajaan telah membuat berbagai-bagai dasar serta menyediakan pelbagai kemudahan untuk memantu mereka mencapai tahap prestasi yang cemerlang.

+Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan membantu ahli-ahli perniagaan Bumiputera tidak akan berjaya jika mereka tidak mengatasi kelemahan-kelemahan mereka serta berusaha dengan bersungguh-sungguh,+ kata beliau.

Dalam perutusannya, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba menggesa DPPMWP supaya lebih aktif dalam menggembelngkan tenaga dan buah fikiran bagi membangun usahawan dan peniaga Bumiputera yang berdaya saing dan berdikari. -- Lagi

▼08/05/18-49MST

CNS6485

U GB 08-05 00189 BH499

aab

Mahathir - Ekonomi 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Kerajaan, katanya, mahu mengutamakan kualiti daripada kuantiti dengan menumpukan kepada pengetahuan dan penghayatan budaya niaga di kalangan Bumiputera.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula berkata, tahun 1992 adalah tahun mencabar bagi para peniaga Bumiputera kerana negara sedang menempuh satu sejarah yang amat penting dalam usaha meningkatkan kemajuan sejajar dengan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

+Perjuangan kita harus diteruskan kerana masih terdapat matlamat terdahulu yang belum dicapai,+ katanya ketika merujuk kepada Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan dari tahun 1970-90.

Beliau percaya DPPMWP berpotensi besar untuk muncul sebagai badan yang memainkan peranan aktif dalam membangunkan usahawan Bumiputera.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, salah satu strategi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memantapkan lagi ekonomi negara ialah dengan membangunkan industri sokongan yang kukuh serta menggalakkan salingkait antara syarikat besar dengan syarikat-syarikat yang kecil.

+Dalam hal ini, ahli-ahli Dewan Perniagaan adalah digalakkan untuk menceburi bidang industri sokongan untuk membekalkan pelbagai jenis alat komponen dan bahan-bahan yang berkualiti mengikut ketentuan syarikat-syarikat besar,+ katanya. -- Bernama

▼08/05/18-56MST